

Selamat pagi

BARU genap setahun Mahathir menjadi Perdana Menteri. Apalah yang dapat dibuat dengan berkesan dalam masa selama itu, sedang yang hendak dibuat dan diubah, ubah sama sekali atau ubah-suai pun nescaya tidak nampak dengan nyata. Membina sebuah rumah yang sederhana dan sempurna pun ada yang memakan masa setahun. Itu pun kalau kontrek tidak "lari Malam".

Bahawa banyak perkara-perkara yang seolah "memang perkara biasa" atau "perkara yang lazim" sudah menjadi darah daging kepada banyak orang. Kerja lambat-lambat ikut suka oleh setengah-setengah pegawai dan kakitangan kerajaan menyebabkan masalah itu boleh diselesai setengah jam menjadi setengah hari atau sehari, mungkin seminggu atau sebulan, atau failnya langsung hilang, bukan suatu yang tak pernah terjadi.

Bahawa menerima dan memberi duit sogok, untuk mendapatkan sesuatu dari kakitangan kerajaan yang "menolong" mempercepat urusan yang memang urusannya, kerana ia dibayar gaji bukan suatu yang asing.

Melihat seorang pegawai atau kakitangan kerajaan yang berpakaian mahal-mahal, makan di tempat mahal-mahal, rumahnya indah-indah dengan perabut yang mahal-mahal, bertukar kereta hampir sebilang tahun atau sebilang masa tukar model sedang orang tahu apa kerjanya dan berapa gajinya, tidak mendedangkan rasa malu kepada pegawai

atau kakitangan kerajaan yang berke-naan juga seolah-olah menjadi suatu cara hidup.

Tentulah ada kemalasan dan tentulah ada kecuaiian dalam menjalankan kerja sebelum Mahathir menjadi Perdana Menteri, kerana setelah beliau menjadi Perdana Menteri sistem "tanda waktu" datang kerja pun dibuat. Kalau patut datang kerja pukul 8.00 pagi, pukul 8.00 pagi sudah ada di pejabat, kalau keluar pukul 4.00 petang, 4.00 keluar pejabat.

Ramai orang yang barangkali tidak mahu ambil tahu akan ramainya kakitangan kerajaan yang masih berkeliaran di jalanraya dan masih belum sampai pejabat pukul 8.00 pagi dan pukul 4.00 petang sudah ada di kelab atau sudah ada di restoran, sebelum ini.

Ada yang sempat pergi berasmara antara rehat pejabat waktu makan tengahari kerana ada antaranya yang membuat amalan demikian keluar lebih awal dan masuk lebih lambat dengan berbagai alasan. Dan waktu minum jam 10.00 adalah satu masa yang amat menjemukan kalau ingin membuat urusan dengan setengah-setengah jabatan kerajaan.

Amatlah baik kalau Mahathir akan memecahkan bilik-bilik atau yang memang dirasa ada bilik diganti dindingnya dengan cermin. Orang yang datang ke pejabat kerajaan seolah-olah masuk ke sebuah gua. Bilik sana, bilik sini. Dalam bilik ada yang bersimbang-simbang. Ada yang tinggal kerusinya.

Orang ramai memberi kemenangan kepada pertadbiran baru dalam pilihanraya yang baru lalu kerana mereka yakin cogan Bersih, Cekap dan Amanah itu akan dilaksanakan dan akan menjadi amalan seluruh apa yang dinamakan perkhidmatan kerajaan dari serendah-rendahnya kepada setinggi-tingginya.

Melan Abdullah.